

## **KAJIAN KEBERKESANAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) DI INDUSTRI**

### **Abstrak**

Pembangunan tenaga mahir seharusnya selari dengan perkembangan ekonomi dan sektor perindustrian negara. Sistem latihan kemahiran dan vokasional perlu fleksibel dalam memenuhi kejendak industri. Tujuan kajian ini diadakan adalah untuk mengetahui tahap penerima pihak industri terhadap pemegang SKM yang dikeluarkan oleh MLVK dan kesesuaian NOSS dalam menghasilkan tenaga mahir negara. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 400 orang wakil industri. Seramai 166 orang wakil industri telah memberi maklumbalas. Didapati bahawa 71.82% responden bersetuju bahawa pemegang sijil SKM mempunyai tahap kekompetenan dan kebolehkerjaan serta memiliki kemahiran yang khusus dalam melaksanakan tugas berbandingkan dengan bukan pemegang sijil SKM. NOSS yang dibangunkan boleh ditambah baik bagi memenuhi sepenuhnya kehendak industri.